

Komunikasi dan Pembangunan Komuniti Peringkat Desa:
Berkongsi Pengalaman antara Indonesia dengan Malaysia

(Communication and Community Development at Rural Levels:
Sharing Experiences between Indonesia and Malaysia)

MOHD YUSOF HJ.ABDULLAH, NOOR RAHAMAH ABU
BAKAR, JUNAENAH SULEHAN, ABD HAIR AWANG DAN
ONG PUAY LIU

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan kaitan komponen komunikasi dengan pembangunan komuniti. Sebahagian daripada perbincangan adalah berdasarkan pengalaman pemerhatian lapangan di desa di Malaysia dan Jawa Barat, Indonesia. Didapati masyarakat desa di kedua-dua buah negara sentiasa menjadi fokus usaha-usaha pembangunan oleh pihak pemerintah. Walau bagaimanapun, usaha membangunkan komuniti di peringkat desa memerlukan pelbagai input atau komponen lain. Ia memerlukan peruntukan yang besar, teknologi yang bersesuaian, dasar yang baik, program yang berkesan, komitmen politik, kestabilan, dan komunikasi. Komponen komunikasi dianggap sama penting dengan input lain. Satu daripada faktor penting yang menyumbang kepada keadaan kurang sejahtera adalah sikap manusia. Perubahan kepada komponen sikap itu memerlukan pendidikan. Pendekatan mendidik memerlukan aktiviti komunikasi untuk memberi nasihat, memberitahu, menunjukajar, berunding, berpakat, mempengaruhi, dan sebagainya. Komunikasi mengupayakan atau memberdaya komuniti untuk membuat keputusan menyertai dalam proses pembangunan yang dibawakan kepada mereka atau yang dicituskan oleh komuniti itu sendiri.

Kata kunci: pembangunan komuniti, penyertaan, komunikasi, pemberdayaan komuniti, agen perubahan

ABSTRACT

This article discusses the relationship between communication components and community development. Part of the discussion is based on field observation in the villages of Malaysia and Jawa Barat, Indonesia. It is found that rural communities in both sides of the nations are always being focussed at for development by the States. Efforts to develop the community at the rural level requires various input or important components. It requires big allocation, suitable technology, good policy, effective programmes, political commitment, stability and communication.

Components of communication is considered important as other inputs. One of the important factors that contributes to the low well-being is the attitude of the people. Changes to the attitudes requires education. The approach to educate requires communication activities to advise, inform, educate, consult, discuss, influence and others. Communication empowers the community to make decision when participating in the development process that is being suggested by the individuals or by the community themselves.

Key words: community development, participation, communication, community empowerment, agent of change

Pengenalan

Pembangunan seperti yang lazimnya difahami adalah usaha berancang untuk mengubah keadaan kehidupan sesebuah komuniti dengan matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan ahli komuniti dalam semua aspek keperluan kehidupan merangkumi pendapatan, perlindungan, keselamatan, pendidikan, kesihatan, kebebasan, dan sebagainya. Dalam kerangka begini, komuniti desa sentiasa menjadi fokus di Indonesia dan Malaysia kerana golongan ini kerap terpinggir dalam pelbagai aspek baik daripada segi rendahnya pendapatan dan taraf kesihatan, tingginya kadar buta huruf, ketaksampaian pasaran dan infrastruktur asas yang lemah mahu pun kemerosotan kesuburan tanah (Wanmali, 1998). Secara naturalnya, mana-mana pemerintah negara mempunyai kesedaran tentang keadaan serba kekurangan ini dan mengadakan usaha berancang untuk mengubah situasi tersebut melalui pelbagai strategi. Di Indonesia, usaha ini terkandung dalam Deklarasi Millineum 2000, iaitu strategi pembasmian kemiskinan dan kebuluran, perluasan kesampaian pendidikan asas peringkat rendah, pengurangan kadar kematian bayi dan penyakit merbahaya, penghapusan ketaksamaan gender dalam pendidikan, dan peningkatan kesampaian infrastruktur awam menjelang tahun 2015 (UNDP, 2005).

Secara normatifnya, strategi-strategi yang boleh digunakan untuk membangunkan komuniti di peringkat desa memerlukan pelbagai input atau komponen penting. Pelaksanaan strategi pembangunan memerlukan peruntukan yang besar, teknologi yang bersesuaian, dasar yang baik, program yang berkesan, komitmen politik, kestabilan negara dan komunikasi. Komponen komunikasi dianggap sama penting dengan input-input lain. Ini adalah kerana pembangunan menuntut perubahan sikap dalam kalangan anggota komuniti desa. Satu daripada faktor penting yang menyumbang kepada keadaan kurang sejahtera atau tidak maju adalah sikap manusia itu sendiri. Malahan, teori modenisasi mengandaikan bahawa sesebuah komuniti itu mundur kerana sikap negatif yang dipegang dan diamalkan oleh individu dalam komuniti tersebut. Untuk maju, individu itu mesti menukar sikap negatif seperti tidak percaya kepada perubahan, malas, kurang yakin, tidak berani mencuba kaedah baru dan sebagainya. Justeru, sikap manusia perlu diubah, sama ada ditukar sikap negatif atau lama kepada sikap positif, baru

atau moden. Perubahan sikap ini membolehkan manusia bertindak menerima, menyokong, dan mengambil bahagian dalam program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak pemerintah atau pun komuniti itu sendiri.

Mengubah sikap manusia itu memerlukan pendekatan khusus. Satu daripada pendekatan itu adalah pendidikan. Pendekatan mendidik adalah pendekatan secara lembut untuk mengubah komponen sikap pada manusia. Pendekatan mendidik memerlukan aktiviti komunikasi untuk memberi nasihat, memberitahu, menunjukkan, berunding, berpakat, mempengaruhi, dan sebagainya. Komunikasi digunakan sebagai kaedah utama untuk mencapai objektif mengubah fikiran, perasaan, dan tingkahlaku seseorang bagi menyertai dan mengambil bahagian dalam proses pembangunan. Komunikasi mengupayakan atau memberdaya komuniti untuk membuat keputusan menyertai dalam proses pembangunan yang dibawakan kepada mereka atau yang dicetuskan oleh komuniti itu sendiri.

Makalah ini membincangkan kaitan komponen komunikasi dan pembangunan komuniti desa. Perbincangan adalah berdasarkan pengalaman pemerhatian kajian pembangunan komuniti desa di Malaysia dan Jawa Barat, Indonesia. Untuk kajian di lapangan, dua buah lokasi telah dipilih, iaitu masing-masing satu di Malaysia dan Indonesia. Lawatan ke Kampung Jeram di Kuala Selangor, Malaysia dan ke Desa Darmareja, Kabupaten Sukabumi dilakukan untuk mendapat data primer. Data sekunder pula diperoleh daripada Bank Data negeri/Daerah 2003 terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia, Maklumat Asas Negeri Selangor terbitan Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan Maklumat Asas Daerah terbitan Badan Perencanaan Daerah Jakarta. Pemerhatian juga dilakukan di lapangan seperti bengkel yang dikendalikan oleh KEMAS di Kuala Selangor dan perusahaan telur asin di Desa Darmareja, Jawa Barat.

Komunikasi dan Pemberdayaan Komuniti

Komunikasi adalah komponen penting dan perlu kepada strategi pembangunan komuniti. Ini adalah kerana komunikasi menghubungkan pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan untuk bersama-sama mengongsi idea, masalah dan pandangan atau pun untuk merancang dan melaksanakan strategi pembangunan. Di samping itu, komunikasi juga boleh memberdayakan komuniti dengan pengetahuan baru, sikap baru, kaedah baru melalui perkongsian maklumat. Justeru, kerjasama sinergi dan harmoni dapat digembeling di kalangan pihak-pihak berkepentingan itu melalui jaringan komunikasi. Namun begitu, pola komunikasi itu berbeda, bergantung kepada bentuk pembangunan yang diamalkan di sesebuah Negara. Misalnya, perancangan pembangunan berpusat lebih berbentuk pembangunan dari atas ke bawah. Pola komunikasi yang digunakan lebih kepada aktiviti penyebaran maklumat berbentuk sehalu dari agensi pemerintah kepada komuniti. Pembangunan nyahpusat pula lebih kepada pembangunan dari bawah ke atas dan pola komunikasi yang digunakan adalah berbentuk dua hala yang bertujuan untuk mengongsi idea, pengalaman, dan pendapat dari komuniti. Dalam konteks pembangunan dari bawah ke atas ini, penglibatan komuniti adalah aktif

dalam membuat keputusan untuk perancangan pembangunan (Waisbord 2008).

Pembangunan komuniti di Malaysia dan Indonesia, adalah kerjasama pemerintah, komuniti dan pihak-pihak lain. Ini bermaksud, ada program pembangunan yang dirancang dan dilaksana oleh pemerintah, ada program yang diusahakan sendiri oleh komuniti, dan ada juga usaha hasil daripada kerjasama pelbagai pihak. Dari segi konsepnya, usaha yang dirancang dan dilaksana oleh pemerintah adalah pendekatan pembangunan dari atas ke bawah. Usaha yang diiktirakan oleh komuniti itu sendiri adalah hasil pembangunan dari bawah. Apa yang berbeza adalah darjah penglibatan atau penyertaan anggota komuniti itu.

Pembangunan komuniti menuntut penglibatan atau penyertaan anggota komuniti selaku sasaran kepada usaha mengubah keadaan hidupnya. Penglibatan anggota komuniti itu adalah sama ada sebagai penerima langsung faedah pembangunan atau pun sebagai penyumbang aktif kepada proses pembangunan komuniti. Lazimnya, penyertaan komuniti adalah minimum, iaitu hanya sebagai peserta kepada program yang dirancang dan dilaksana oleh pemerintah atau pemerintah. Misalnya, semasa pemerintahan Presiden Suharto (1967-1998), pembangunan nasional Indonesia yang merangkumi pembangunan komuniti di peringkat desa dirancang oleh pihak atasan melalui dasar-dasar Garis Besar Haluan Negara dan Rencana Pembangunan Lima Tahun dengan bentuk-bentuk dasar seperti projek atau aktiviti juga dirancang dan dilaksanakan oleh pihak pemerintah (Amri Marzali, 2005). Malahan hampir semua kementerian mempunyai program dan projek di desa (Hofstede, 1995).

Di Malaysia, kementerian yang bertanggungjawab secara langsung ke atas pembangunan komuniti adalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLWB) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Misalnya, KKLWB memberi penekanan terhadap pembangunan infrastruktur dan pembangunan insan. Kajian pembangunan komuniti di Daerah Kuala Selangor mendapati agensi seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mengadakan aktiviti kelas jahitan, masakan, ceramah agama, dan sebagainya kepada penduduk di kampung-kampung dalam Daerah itu. Komuniti diberdayakan melalui pelbagai program yang dirancang dan dilaksanakan oleh pemerintah. Perspektif komunikasi untuk program-program yang disediakan oleh pemerintah adalah menyebarkan seluas mungkin maklumat tentang program tersebut kepada kumpulan sasar supaya mereka sedar, tahu dan berminat untuk menyertainya. Para suri rumah, remaja, dan orang dewasa dipelawa untuk menyertai aktiviti tersebut melalui penyebaran maklumat oleh pegawai pengembangan KEMAS seperti pemaju masyarakat setempat dan juga melalui institusi di peringkat kampung iaitu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau JKKK.

Di Indonesia pula, khususnya di Kabupaten Tangerang, maklumat tentang rancangan dan program daripada pihak pemerintah disebarkan melalui agensi-agensinya pemerintah ke peringkat desa melalui badan pemesyuaratan desa. Badan pemesyuaratan desa adalah serupa dengan JKKK di Malaysia. Komunikasi antara agensi pemerintah dengan penduduk adalah untuk memberitahu

dan mempengaruhi mereka untuk menyertai dalam aktiviti dan rancangan pembangunan yang disediakan oleh agensi-agensi pembangunan. Agen perubahan daripada agensi pemerintah menyampaikan maklumat melalui aktiviti perjumpaan dengan penduduk desa di balairaya. Penduduk desa berkumpul di situ pada hari dan masa yang ditetapkan. Maklumat tentang pelbagai program untuk komuniti desa juga disebar melalui khutbah jumaat, panggilan telefon, dan surat edaran. Maklumat yang disebar adalah untuk memberdayakan pengetahuan komuniti tentang program perubahan yang baik dan sesuai untuk mengubah keadaan kehidupan mereka. Komunikasi penting dan digunakan untuk mempengaruhi kumpulan sasaran supaya menerima program pembangunan yang telah dirangka oleh pihak pemerintah.

Apakah kesan komunikasi yang berlaku daripada komunikasi sehalu agensi pemerintah kepada kumpulan sasaran? Pertama, aktiviti komunikasi ini seperti majlis penerangan, perjumpaan atau taklimat telah dapat menarik kumpulan sasaran untuk datang menghadiri diri. Kedua, aktiviti komunikasi ini telah menimbulkan minat di kalangan golongan sasaran kepada projek atau aktiviti ekonomi. Temubual kumpulan fokus yang diadakan semasa tinjauan di Kuala Selangor, mendapati informan berminat dengan aktiviti yang dianjurkan oleh KEMAS. Minat mereka ini timbul daripada kesedaran dan kefahaman tentang aktiviti KEMAS yang diterangkan semasa perjumpaan atau taklimat. Ketiga, komunikasi daripada pihak agensi kepada kumpulan sasaran telah juga menghasilkan kemahiran untuk mereka menyertai dalam aktiviti ekonomi. Kemahiran yang diperoleh telah dapat mengupayakan peserta untuk memajukan diri dan membantu ekonomi keluarga.

Pendekatan komunikasi sehalu, iaitu daripada pihak pemerintah kepada kumpulan sasaran lebih menjurus kepada keperluan untuk menarik penyertaan, menimbulkan minat dan kesedaran dan memberikan pengetahuan kepada aktiviti dan rancangan yang telah disusun atau dipakejkan oleh agensi-agensi pembangunan. Kumpulan sasaran diharapkan akan menyertai aktiviti tersebut melalui hebahan maklumat. Fungsi komunikasi adalah supaya kumpulan sasaran mengetahui adanya aktiviti tersebut, berminat untuk menyertainya, dan seterusnya dijangkakan akan membuat keputusan untuk menyertai aktiviti tersebut. Apabila mereka telah menyertai aktiviti tersebut, maka agensi pembangunan telah berjaya menyampaikan perkhidmatannya kepada kumpulan sasaran.

Pendekatan difusi maklumat tentang rancangan pembangunan yang dipakejkan oleh pemerintah adalah berlandaskan kepada andaian bahawa manusia boleh dipengaruhi melalui penyebaran maklumat. Apabila sesuatu rancangan pembangunan yang telah dirangka, maka ianya perlu disebar luas supaya kumpulan sasaran sedar, tahu, faham, berminat, dan menerima kemajuan itu. Justeru, didapati setiap agensi pembangunan di Malaysia dan Indonesia mewujudkan agensi perubahan atau penyuluhan untuk menjalankan aktiviti mengkomunikasikan maklumat tentang projek/aktiviti pembangunan.

Namun begitu, para pengkritik perspektif komunikasi sehalu menghujjah bahawa proses komunikasi sebegini tidak memberikan peluang kepada pihak penerima faedah pembangunan atau kumpulan sasaran melibatkan diri dalam

memberikan input untuk perancangan proses pembangunan. Nair dan White (1993), mentafsirkan penglibatan yang pasif hanya sebagai perlakuan tindakbalas kumpulan sasar kepada usaha difusi maklumat yang dilakukan oleh agensi pembangunan melalui pegawai pengembangan atau institusi kepimpinan setempat.

Para pengkritik komunikasi sehala dari atas ke bawah lebih menyarankan perspektif komunikasi sebagai satu proses interaksi yang meletakkan fungsi komunikasi itu sebagai penjalin hubungan, penyaluran maklumat, dan pencarian maklumat antara kumpulan perancang, kumpulan pelaksana, dan kumpulan sasaran. Proses interaksi dua hala ini boleh menggalakkan penglibatan pihak yang terbabit dalam proses pembangunan. Nair dan White (1993) menegaskan bahawa penglibatan dalam proses komunikasi untuk pembangunan adalah satu proses interaksi dua hala antara golongan sasar di peringkat akar umbi dengan pihak sumber maklumat (*information source*) melalui komunikator pembangunan sebagai perantara. Dalam konteks ini, JKKK adalah mekanisme yang menghubungkan pihak pemerintah dan penduduk kampung yang boleh menjadi perantara penting antara pemerintah dan kumpulan sasar. JKKK diiktiraf sebagai sebahagian daripada sistem jaringan komunikasi yang menyambungkan input daripada penduduk kampung untuk proses pembangunan di luar bandar. JKKK juga menyambungkan perkhidmatan dan input pembangunan daripada pemerintah kepada penduduk kampung. Kedudukannya ini meletakkan JKKK dan kepimpinannya untuk berfungsi sebagai perantara dan pemangkin pembangunan yang penting.

Perspektif komunikasi sebagai proses dua hala lebih mengutamakan aktiviti komunikasi dalam bentuk dialog. Aktiviti komunikasi berbentuk dialog ini memberikan ruang dan peluang perkongsian maklumat di kalangan aktor-aktor utama (*stakeholders*) yang terlibat. Kaedah komunikasi dialog diaplikasikan untuk memenuhi keperluan mendapatkan penyertaan aktif golongan sasar dalam menyuarakan pendapat, mengongsi masalah, dan menyatakan perasaan dan keperluan-keperluan yang sebenarnya perlu dipenuhi atau diatasi. Input kumpulan sasar hasil daripada dialog yang berlangsung boleh digunakan untuk merancang program-program pembangunan yang sesuai dan diperlukan. Menurut Diaz Bordenave (1994), kaedah komunikasi dialog ini memberikan peluang sama rata kepada peserta terlibat menyuarakan pandangan, perasaan, dan pengalaman mereka untuk dikongsi bersama ke arah mencari jalan dan mengenal pasti penyelesaian terbaik bagi memajukan keadaan hidup komuniti. Stuart & Bery (1996: 11) menegaskan bahawa pendekatan komunikasi penyertaan seperti kaedah dialog adalah “ a process which allows people to speak for themselves. Though the modes of communication vary, in participatory communication the people who control the tools are community members, not outsiders who mediate information and representation. Participatory communication is an exchange among individuals that values each person’s perspectives and voice.”

Pendekatan komunikasi dua hala dalam bentuk dialog lazim digunakan untuk pembangunan komuniti di Indonesia. Pendekatan pembangunan berasaskan

komuniti telah diperkenalkan dengan menekankan pentingnya perkongsian maklumat di kalangan aktor-aktor utama yang terlibat. Tenaga akademik Pusat Pemberdayaan Masyarakat Universitas Nasional, Indonesia telah mengambil inisiatif memulakan program adopsi kampung yang bertujuan mencetuskan partisipasi penduduk kampung untuk tampil mengongsi pandangan tentang masa depan mereka. Metod participatory rural appraisal (PRA) digunakan untuk mendorong masyarakat perdesaan ikut serta menganalisis dan meningkatkan pengetahuan mengenai kondisi hidup mereka sendiri agar dapat membuat rencana dan tindakan (Chambers, 1992).

Kaedah komunikasi yang digunakan dalam PRA adalah dialog di mana golongan sasar bersama-sama dengan kumpulan PRA sebagai fasilitator akan bertukar maklumat berkaitan masalah, keperluan, sumber kemampuan, dan sebagainya (Mohd. Yusof 2009). Dialog ini bukan berlangsung sekali sahaja tetapi dilakukan dalam beberapa siri dan mengikut tahap-tahap sistematik. Berdasarkan buku laporan studi penjajakan kebutuhan program adopsi desa miskin yang diterbitkan oleh Pusat Pemberdayaan Masyarakat Universitas Nasional, keterlibatan masyarakat dalam PRA berlaku dalam beberapa tahap iaitu 1) penentuan simbol-simbol yang akan digunakan dalam setiap teknik, 2) pengumpulan data dan informasi, 3) analisis data, 4) penyusunan program (rekomendasi), dan 5) pelaksanaan program. Yang menariknya, PRA ini diaplikasikan berdasarkan pengiktirafan ke atas nilai dan relevansi pengetahuan, pengalaman, dan kemampuan masyarakat dalam memecahkan masalah-masalahnya sendiri.

Penglibatan masyarakat dalam dialog telah berjaya menghasilkan rancangan atau projek seperti Kelompok Usaha Bersama (KUBE) yang mengusahakan dagangan beras, ternakan, dagangan buah-buahan, pertanian, batu batan, jeruk, dan perbengkelan. Kelompok ini mempunyai 10 orang ahli dan mereka merancang, melaksana, dan menguruskan aktiviti secara bersama. Semasa tinjauan dibuat di desa Kabupaten Sukabumi adalah didapati projek ini masih berjalan dengan baik kecuali satu atau dua kelompok yang menghadapi masalah pengurusan. Di Malaysia juga terdapat kumpulan pengusaha yang mengusahakan aktiviti membuat kueh, mee, dan sebagainya. Kumpulan Pengembangan Wanita (KPW) umpamanya adalah satu contoh aktiviti berkumpulan yang dijalankan oleh wanita di sesebuah kampung mengikut sumber dan kemampuan tempatan (Mohd Yusof, 2003). Golongan wanita diberikan peluang untuk menubuhkan kumpulan pengusaha makanan ringan atau aktiviti sosio-ekonomi lain. Kumpulan ini berbincang dengan agen perubahan agensi pembangunan seperti Jabatan Pertanian atau KEMAS untuk mendapatkan nasihat teknikal atau bantuan peralatan. Apa yang penting adalah mereka memainkan peranan aktif untuk mencetuskan idea tentang projek yang mampu dilaksanakan (Noor Rahamah, 2008).

Justeru, boleh dirumuskan bahawa komunikasi penglibatan adalah strategi yang memberikan peluang di kalangan aktor-aktor utama untuk saling berkongsi maklumat di dalam pembabitan mereka merencanakan program dan aktiviti pembangunan. Bentuk komunikasi yang sesuai bagi tujuan perkongsian maklumat

adalah dialog. Dialog menepati ciri-ciri komunikasi dua hala dan jika digunakan untuk tujuan mendapatkan penglibatan aktif golongan sasaran boleh menghasilkan kesan-kesan positif seperti :

1. meminimumkan penentangan atau penolakan terus ke atas program pembangunan dan seterusnya memastikan kemapanan program pembangunan.
2. membantu semua pihak yang terbabit mencapai konsensus tanpa banyak menimbulkan syak wasangka, perasaan tidak puas hati, atau kurang maklumat.
3. pengiktirafan ke atas keupayaan dan potensi diri golongan sasaran.

Perbincangan dan Implikasi

Komunikasi menjadi rakan penting kepada proses pembangunan semenjak tahun 50an. Komunikasi digunakan untuk mengkomunikasikan program pembangunan yang dirancangan oleh agensi-agensinya kepada golongan sasaran. Segala program yang dirancang dari peringkat atas akan disebar meluas kepada golongan sasaran. Perspektif komunikasi dilihat sebagai proses penyampaian maklumat tentang sesuatu program pembaharuan daripada pihak pengaju pembangunan kepada golongan sasaran selaku penerima. Orientasi amalan komunikasi adalah berbentuk sehalu atau monolog iaitu agensi pembangunan selaku sumber akan menyampaikan maklumat tentang program pembangunan kepada golongan sasaran. Golongan sasaran dianggap sebagai pasif dan bukan sebagai rakan aktif di dalam proses merancang program pembangunan. Agen perubahan yang mewakili agensi pembangunan adalah komunikator yang menyampaikan maklumat tentang program pembangunan kepada kumpulan sasaran. Pendekatan komunikasi dari atas ke bawah ini adalah khusus untuk menyebarkan maklumat tentang program pembangunan yang telah dirancang oleh agensi pembangunan. Melalui komunikasi ini, agen perubahan berusaha memujuk kumpulan sasaran untuk menerima program pembangunan yang disediakan. Di Malaysia, pendekatan difusi maklumat tentang program pembangunan lazim dijalankan kerana pemerintah adalah pengaju pembangunan dan menyediakan kemudahan, bantuan, dan program sosio-ekonomi untuk rakyat. Dalam konteks ini, pegawai di agensi pembangunan lebih bertindak sebagai perancang dan penentu kepada pembangunan untuk rakyat.

Namun begitu, ada juga pengajaran daripada lapangan yang menunjukkan bahawa sesuatu program pembangunan yang cuba memaksakan objektifnya ke atas golongan sasaran akan menemui kegagalan atau paling kurang mapan. Ini adalah kerana program pembangunan itu tidak menepati keperluan, tidak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan sasaran, dan tidak memenuhi kapasiti golongan sasaran untuk melaksanakannya. Kumpulan sasaran tidak terlibat secara aktif dalam proses merancang pembangunan. Lazimnya, kumpulan sasaran tidak diajak untuk berbincang bagi mendapatkan pandangan tentang program

pembangunan yang diperlukan oleh mereka. Proses komunikasi antara agen perubahan dan kumpulan sasaran adalah untuk menerangkan program pembangunan yang telah disediakan oleh agensi pembangunan.

Alternatifnya, pendekatan komunikasi penglibatan boleh digunakan untuk memastikan penglibatan aktif golongan sasaran. Orientasi amalan komunikasi penglibatan adalah dua hala dan berbentuk dialog. Kesan-kesan positif yang boleh dilahirkan daripada kaedah berdialog adalah cetusan idea tentang projek yang dianggap '*viable*' untuk diusahakan. Kaedah PRA menggunakan teknik dialog di antara fasilitator dengan golongan sasaran boleh menghasilkan input yang berguna untuk mengenal pasti dan mencadangkan program yang bersesuaian dan boleh dilaksanakan oleh kumpulan sasaran. Teknik komunikasi ini mampu memberikan ruang dan peluang kepada golongan sasaran untuk sama-sama mengambil bahagian dalam penentuan masa depan mereka.

Pada dasarnya, strategi komunikasi penglibatan ini merupakan strategi komunikasi yang baik dan sesuai digunakan bagi proses pembangunan yang memerlukan penglibatan aktif golongan sasaran. Namun begitu, pengaplikasiannya memerlukan beberapa syarat dipenuhi seperti :

individu yang mengambil bahagian di dalam proses komunikasi mesti bersikap positif dan berfikiran terbuka. Mereka mesti boleh dan mahu mendengar dan menerima idea daripada orang lain dan mahu berkongsi maklumat.

setiap individu yang mengambil bahagian dalam proses komunikasi mesti berkeupayaan untuk memainkan pelbagai peranan sebagai peserta dalam dialog.

agen perubahan daripada agensi pembangunan mesti mahu mengubah cara bekerja dan berfikir daripada sebagai pihak yang 'serba tahu' dan penentu segala yang baik untuk golongan sasaran kepada pihak yang bertindak sebagai pembimbing dan pemudahcara proses pembangunan yang turut sama ingin belajar daripada pengalaman dan pengetahuan yang ada pada golongan sasaran.

Penutup

Sebagai rumusan, komponen komunikasi mesti diiktiraf sebagai rakan penting dalam proses pembangunan sama ada untuk berfungsi menyebarkan maklumat atau pun pencarian maklumat. Dalam konteks untuk menyebarkan maklumat, kaedah komunikasi yang digunakan adalah sehalu dari atas ke bawah. Agen perubahan bertindak sebagai komunikator akan berinteraksi dengan kumpulan sasaran menerangkan dan memujuk mereka untuk menerima program pembangunan yang telah disediakan oleh pelbagai agensi berkaitan. Pendekatan komunikasi satu hala ini boleh mengupayakan kumpulan sasaran dari segi pengetahuan, kesedaran, dan keinginan untuk mengubah keadaan hidup mereka. Kumpulan sasaran memperoleh pengetahuan untuk mengambil tindakan menyertai aktiviti ekonomi yang disediakan oleh agensi pembangunan. Pendekatan komunikasi dua hala dalam bentuk dialog pula memberikan peluang dan ruang kepada kumpulan sasaran untuk turut sama memberikan maklumat kepada agensi pembangunan berkaitan program pembangunan yang bersesuaian untuk mereka. Kaedah komunikasi

dua hala ini memberikan hak kepada kumpulan sasar untuk sama-sama menentu dan mengenal pasti bentuk program pembangunan yang diperlukan. Di samping itu, komunikasi dua hala mampu mengurangkan penentangan atau penolakan terhadap dasar dan program pembangunan yang dicadangkan oleh pemerintah. Kepelbagaian pendekatan komunikasi ini menunjukkan bahawa komponen komunikasi adalah perlu dan penting kepada konteks pembangunan komuniti. Sama ada usaha memajukan komuniti itu datang dari pihak pemerintah atau pun dicituskan oleh komuniti itu sendiri, usaha itu memerlukan komunikasi antara dua aktor utama ini. Komunikasi dapat menghubungkan dua belah pihak bagi tujuan mengongsi maklumat. Maklumat yang diperolehi itu boleh memperkasakan kumpulan sasar khususnya dari segi kekurangan pengetahuan, ketidaksuaraan, dan rasa rendah diri. Dua pendekatan komunikasi ini boleh digunakan dalam konteks pembangunan komuniti untuk menarik penyertaan kumpulan sasar sama ada secara pasif atau aktif.

Rujukan

- Amri Marzali. 2005. Peranserta masyarakat desa dalam pembangunan di Indonesia. Kertas kerja di Bengkel Penyelidikan Bersama Malaysia-Indonesia : Perbandingan pembangunan komuniti, 17 November. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chambers, R. 1992. *Rural appraisal: Rapid, relaxed, and participatory*. Discussion paper 311. Brighton: Institute of Development Studies.
- Diaz Bordenave, J. 1994. Participative communication as a part of building the participative society. Dlm White, S. et al (pnyt.). *Participatory communication: Working for change and development*. New Delhi: Sage Publications.
- Government of Malaysia. 1969. Panduan Arahan No. 3 Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Hofsteede, H. 1991. *Pembangunan masyarakat: Kumpulan karangan..* Yogyakarta: Gadjahmada University Press.
- Mohd Yusof Hj. Abdullah 2003. Pendekatan komunikasi penyertaan dalam konteks pembangunan mapan. Dlm Samsudin A. Rahim (pnyt). *Kumpulan esei isu-isu komunikasi*. Bangi: Pusat Pengajian Media dan Komunikasi: UKM.
- Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Noor Rahamah Hj. Abu Bakar, Abd. Hair Awang, Junaenah Sulehan & Ong Puay Liu. 2009. The use of Participatory Rural appraisal (PRA) methodology for development process: experience in a selected village of West Java, Indonesia. Kertas kerja International Conference on Peoples' Participation and Community Development. Visaya State University, Leyte, Philippines, 6-8 August 2009.
- Nair, S. and White. S. 1993. The development communication process: a reconceptualization. Dlm Nair, S. and White, S. (pnyt.). *Perspectives on development communication*. New Delhi: Sage Publications.

- Noor Rahamah Hj. Abu Bakar, Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Abd. Hair Awang, Junaenah Sulehan, Ong Puay Liu dan Yahaya Ibrahim. 2008. Pemberdayaan komuniti desa melalui program-program pembangunan di daerah Kuala Selangor dan Kabupaten Tangerang. *Jurnal Kajian Politik, dan Masalah Pembangunan*. Vol. 4, No. 2 2008.
- Pusat Pemberdayaan Masyarakat Universitas Nasional. 2003. Mendahulukan yang tertinggal: Laporan studi peninjauan ketubuhan program adopsi desa miskin. Jakarta. PPUM
- Stuart, S. and Bery, R. 1996. Powerful grassroots women communicators. Dlm Servaes, J. et al (pnyt.). *Partipatory commnuication for social change*. London: Sage Publications.
- United Nations Development Programme Annual Report. 2005. New York: United Nations
- Wanmali, S. 1998. *Participatory Assessment and Planning for Sustainable Livelihoods*. New York: Sustainable Livelihoods Programme, UNDP.
- Waisbord, S. 2008. "The institutional challenges of paritipatory communication in international aid", *Social Identities*, volume 14, no.4, pp505-522.